

Ruj. Kami : KPT.B(S).600-2/1 Jilid 5(24)
Tarikh : 11 April 2014

YBhg. Dato' Mohd Tajudin bin Don
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

YBhg. Dato',

**PERMOHONAN PENGECUALIAN PEMAKAIAN SURAT PEKELILING
PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1988 DAN SURAT PEKELILING
PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 2004**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Dato' berhubung perkara tersebut di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato' sedia maklum, Kementerian ini di bawah Sektor Pengajian Tinggi bertanggungjawab menguruskan penajaan kepada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) bagi melahirkan 40% tenaga pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti yang memiliki kelayakan pasca siswazah peringkat Sarjana dan Ph.D menjelang tahun 2020 di samping untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pendidikan di kedua-dua institusi tersebut. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, bilangan PPPT yang telah menamatkan pengajian di bawah tajaan biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia dan meletak jawatan dalam tempoh ikatan kontrak untuk berkhidmat sebagai tenaga akademik di IPTA semakin meningkat. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap matlamat penajaan dan menjejaskan perancangan sumber manusia bagi skim tersebut di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Untuk memulaukan YBhg. Dato' selinggah ke dalam perkara ini, berhubung terhadap pegawai-pegawai tersebut yang meletak jawatan untuk berpindah skim disebabkan pematuhan kepada arahan yang digariskan dalam SPP Bil. 4 Tahun 1988 dan SPP Bil.2 Tahun 2004. Sehubungan itu, **Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan Bagi Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Bil. 2 Tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia** yang bersidang pada 4 April 2014 telah memutuskan agar Kementerian ini **memohon pengecualian pemakaian kedua-dua Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut** daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi urusan perjanjian biasiswa tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia kepada PPPT supaya mereka terus berkhidmat

dengan skim sedia ada dalam tempoh ikatan kontrak demi mencapai objektif Plan Transformasi Politeknik.

4. Adalah diharapkan dengan kelulusan pengecualian ini, kes-kes peletakan jawatan PPPT untuk berkhidmat dengan IPTA tidak akan berterusan dan kepakaran PPPT yang telah bergraduat dapat digunakan sepenuhnya demi melaksanakan perancangan yang digariskan dalam Plan Transformasi Politeknik terutama yang melibatkan fungsi penubuhan Politeknik Premier dan penubuhan Pusat Teknologi yang pastinya memerlukan lebih banyak tenaga pakar untuk dikendalikan. Kementerian ini amat berharap agar pihak YBhg. Dato' dapat meneliti permohonan ini dengan sewajarnya demi meletakkan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai pusat kecemerlangan TVET negara.

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,*



(MOHD ZAMANI BIN HARUN)
Bahagian Biasiswa
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel. : 03- 8870 6320
Faks : 03- 8870 6839
E-mel : zamani.harun@moe.gov.my

s.k.

1. Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia